

FASILAH DALAM SURAH AL-ASR DAN AL-KAUTHAR: PENELITIAN DARI ASPEK FONETIK DAN PRAGMATIK

Issraq b. Ramli¹, Zaharom Ridzwan²

¹Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah,
e-mel: issraq@ums.edu.my

²Pusat Kajian Bahasa & Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia,
e-mel: zaharom@ukm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.51200/kitab.v1i1.5205>

ABSTRAK

Fasilah Quran merupakan salah satu dari i'jaz Quran yang mewarnai kecantikan struktur ayat dan surah dalam al-Quran. *Fasilah* merupakan kedudukan bunyi akhir dalam sesuatu kalimah seperti rima dalam sajak. Setengah surah mempunyai *fasilah* yang berbeza-beza. Standard *fasilah* adalah berbeza setiap ayat dan surah berdasarkan panjang surah dan kedudukan surah. Surah *al-Asr* dan *al-Kauthar* mempunyai *fasilah* yang sama dengan penghujung huruf *Rā'* atau *fonem /r/*. Artikel ini menjelaskan bagaimana *fasilah* bukan sekadar memperindahkan hujung setiap ayat yang serata tapi juga memberikan impak kepada makna suatu ayat dan surah. Huruf *Ra'* mempunyai sifat yang tersendiri berbanding dengan huruf-huruf yang lain. Huruf *Ra'* mempunyai satu sifat yang tidak dimiliki oleh huruf yang lain iaitu sifat ulangan (*al-Takrir*). Di sebalik sifat ulangan dalam dua surah itu, terdapat kaitan makna bagi setiap perkataan yang diakhiri dengan huruf *Rā'*. Kajian mendapati peranan huruf *ra'* dalam pragmatik dua surah itu membawa maksud yang sangat signifikan bersesuaian dengan sifat huruf bagi kata yang yg dipilih dalam setiap ayat pertama, kedua, ketiga dalam kedua-dua surah.

Keyword : *Fasilah, I'jaz Quran, al-Kauthar, Al-Asr, Takrir , Huruf Ra', pragmatik al-Quran*

PENDAHULUAN

Dalam al-Quran al-Karim setiap ayat atau perkataan mempunyai fungsi dan kedudukan yang istimewa sama ada ianya di awal kalimah, di pertengahan kalimah atau di akhir kalimah. Rima atau *fasilah* dalam al-Quran adalah huruf yang berada di akhir kalimah. Dalam al-Quran bentuk *fasilah* berbeza dari satu surah kepada surah yang lain.

Bentuk *fasilah* dan persajakan merupakan unsur penting dalam pembentukan bentuk suara dalam karya sastra. Surah-surah dalam al-Quran secara khusus, menggunakan bentuk persajakan sehingga terdengar indah dan teratur, tidak cukup sampai di situ saja, makna yang terkandung dalam setiap ayat dapat menyentuh hati pendengar. Meskipun secara bentuk kalimah menyerupai syair (puisi) namun ia bukanlah

puisi karena menyelisihi kaedah syair yang disepakati bangsa Arab pada masa itu. Di sinilah salah satu bentuk kemukjizatan al-Quran (Khairul Fuadi, 2020).

Al-Quran mempunyai fungsi lafaz dan makna. Kedua fungsi ini menjadikan ayat-ayat al-Quran bukan sekadar bacaan biasa tetapi bacaan yang mempunyai keindahan dari aspek pemilihan kata yang harmonis dengan sentuhan huruf-huruf yang beralun dan pada *fasilah-fasilah* al-Quran mampu menghunjamkan kesan yang dapat mempengaruhi emosional (Khairul Fuadi, 2020). Di samping indahnya ayat-ayat al-Quran dengan huruf yang berada di hujung setiap ayat, tentu sahaja ada makna yang sangat tepat untuk diterjemahkan dan difahami. Penilitian yang mendalam akan menemukan nilai sebenar *i'jaz* al-Quran. Oleh itu *fasilah* itu bukan sahaja meletakkan sebagai struktur huruf semata-mata tapi lebih dari yang perlu difahami.

Berkait rapat dengan persoalan dengan makna al-Quran, tentu sahaja tafsiran dan pemahaman ayat-ayat al-Quran itu berdasarkan fungsi sintaksis atau morfologi. Namun kita harus faham al-Quran itu mewakili semua aspek linguistik, fonetik, morfologi, sintaksis, semantik. Namun jarang yang membahaskan aspek pragmatik dalam memahami al-Quran. Pragmatik adalah kajian tentang hubungan tanda dengan orang yang menginterpretasikan tanda itu (Moris, 1938:6 dalam Levinson, 1997:1). Batasan pengertian ilmu pragmatik juga dikemukakan oleh para ahli yang lain. Para pakar pragmatik mendefinisikan istilah ini secara berbeza-beza. Menurut Yule (1996 : 3) misalnya, menyebutkan empat definisi pragmatik, iaitu (1) bidang yang mengkaji makna penutur; (2) bidang yang mengkaji makna menurut konteksnya; (3) bidang yang, melebihi kajian tentang makna yang diujarkan, mengkaji makna yang diperkatakan oleh penutur; dan (4) bidang yang mengkaji bentuk ekspresi menurut jarak sosial yang membatasi penutur yang terlibat dalam percakapan tertentu. Setiap firman Allah itu adalah mukjizat, maka setiap huruf yang diletakkan itu pasti punya makna yang tersirat dan tersurat.

Pemilihan surah *al-Asr* dan *al-Kauthar* kerana kedua-dua surah ini merupakan surah yang paling pendek dalam al-Quran. Mempunyai tiga ayat yang sama kedua-dua surah mempunyai *fasilah* huruf yang sama iaitu huruf *ra'*. Selain dari mempunyai *fasilah* yang sama, dari sudut fungsi sifat huruf tersebut juga mempunyai nilai pragmatik yang sangat relevan dengan situasi dan maksud yang mendalam dalam kedua-dua surah.

PERMASALAHAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Al-Quran disebalik bacaan yang indah dan mendapat ganjaran jika dibaca seperti sabda Nabi SAW: “*Barangsiaapa yang membaca satu huruf di dalam al-Quran maka baginya satu kebaikan dan setiap kebaikan itu digandakan menjadi sepuluh kebaikan yang semisal dengannya. Aku tidak mengatakan “اَلْ” satu huruf akan tetapi Alif satu huruf, Laam satu huruf dan Miim satu huruf*”. (Tirmizi: 2835). Hadis menegaskan tentang pembacaan dalam al-Quran mendapat pahala.

Namun di sebalik pembacaan ayat-ayat al-Quran pemahaman dari setiap ayat yang dibaca kurang diambil perhatian oleh umat Islam. Dalam bahasa lain nilai tadabbur tidak dipraktikkan dalam pemahaman al-Quran. Seperti mana firman Allah Taala: "*Al-Quran ini adalah sebuah kitab yang kami turunkan kepadamu penuh dengan berkah supaya mereka memerhatikan ayat-ayatNya, dan supaya mendapat pelajaran orang-orang yang mempunyai fikiran.*" (Surah Sad:29). Imam al-Tabari (1992) menyatakan makna ayat tersebut ialah tujuan penurunan al-Quran supaya umat Nabi Muhammad SAW mentadabbur makna ayat al-Quran serta beramal dengan segala yang telah disyariatkanNya. Justeru, memahami isi kandungan al-Quran untuk diambil pelajaran dan diamalkan di dalam kehidupan.

Abas Asyfah (2014) meletakkan beberapa asas untuk tadabbur al-Quran yang dapat merealisasikan erti pemahaman dan penghyatan al-Quran yang sebenar. Antaranya ialah:

- i. menyatukan fikiran dan hati dengan bacaan al-Quran;
- ii. menyentuh emosi;
- iii. khusyuk; dan
- iv. meningkatkan iman.

Impak dari tadabbur ini dapat memberikan beberapa kelebihan kepada yang sentiasa mendambakan rahmat dari Allah Taala. Antaranya ialah:

- i. penyatuan hati dan fikiran saat membaca kerana rasa hakikat iman yang sebenar;
- ii. menangis kerana takut kepada Allah lahir dari rasa kefahaman dari ayat yang dibaca;
- iii. meningkatnya kekhusukan apabila memahami apa yang dibaca;
- iv. bertambahnya keimanan disebabkan keyakinan kepada mukjizat al-Quran;
- v. bahagia dan semangat dengan nilai ganjaran yang diberikan oleh Allah Taala;
- iv. ketenangan jiwa kerana Quran memberikan kedamaian kepada jiwa yang kosong dan
- v. mengagungkan Allah dengan bersujud sekiranya ada tempat-tempat yang sunatkan sujud.

Berkaitrapat dengan persoalan tafsiran al-Quran, tentu sahaja tafsiran dan pemahaman ayat-ayat al-Quran itu berdasarkan fungsi sintaksis atau morfologi. Namun kita harus faham al-Quran itu mewakili semua aspek linguistik, fonetik, morfologi, sintaksis, semantik. Namun jarang yang membahaskan aspek pragmatik dalam memahami nas al-Quran. Menurut Charles Morris (1938: 6), pragmatik merupakan salah satu cabang semiotika iaitu ilmu yang mengkaji tanda selain semantik dan sintaksis. Semantik mengkaji hubungan antara tanda dengan maknanya. Sintaksis mempelajari hubungan tanda yang satu dengan tanda yang lain. sementara itu, pragmatik membahas hubungan antara tanda dengan penggunaannya.

Itulah sebabnya disebalik pembacaan dan ganjaran pahala atas nilain bacaan itu, setiap pembaca harus berusaha untuk memahami setiap apa yang dibaca dalam masa yang sama sentiasa menelaah dan mencari rahsia disebalik kalimah dan ayat yang dibaca.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah salah satu daripada bentuk kajian kualitatif iaitu kajian perpustakaan (*arm chair research*) yang melibatkan pengumpulan data dan maklumat daripada sumber-sumber primer dan sekunder yang berkaitan dengan bidang kajian. Bahan-bahan rujukan penting dalam kajian ini tertumpu kepada buku-buku dan artikel-artikel yang menjelaskan ilmu *fasilah*.

Ada tiga metod yang digunakan dalam penulisan dan kajian iailah metod persejarahan yang memeroka penulisan ilmu Fasilah dalam kalangan ulama silam dan ulamak moden. Metod ini perlu untuk menegnalpasti bahawa penulisan yang kit alakukan adalah berlandaskan teori dan ketetapan yang ditulis oleh cendekiawan Islam. Kaedah analisis kandungan telah dipraktikkan dalam mengkaji maklumat-maklumat yang telah dikumpulkan. (Ahmad Sunawari Long, 2005:28). Metod Induktif pula ialah dari teori dikemukakan penjelasan dari apa yang didasarkan. Seperti kajian ini dari fasilah itu terbentuk pembuktian tentang peranan fasilah dalam pembuktian. Rohana Yusof (2003) menjelaskan Metod Induktif ini sebagai proses yang dimulai dengan data-data kasar dan kemudiannya dihubungkaitkan, dikategorikan dan dibina konsep abstrak. Manakala metode ketiga ialah deduktif iaitu proses pembuktian tentang teori fasilah itu mempunyai kaitan dengan makna dan pragmatik bahasa bial diteliti dengan mendalam.

Kajian ini ingin menjelaskan tentang *i'jaz al-Quran* dari aspek *fasilah*. Perkara dilihat dari sudut fonetik dalam masa yang sama mengolah fonetik itu kepada makna yang lebih luas dalam makna kedua-dua surah.

Fasilah Al-Quran

Perhatian ulamak silam tentang mukjizat al-Quran tidak dapat disangkal. Dari penulisan ilmu tentang ulum al-Quran dari *asbab nuzul*, makkiiyah madaniyyah, *nasakh wa mansukh* dan ilmu-ilmu lain dalam ulum al-Quran. *Fasilah* tidak terkecuali sebagai satu pembahasan ilmu yang penting untuk memahami keindahan struktur al-Quran yang indah.

Fasilah dalam bahasa Arab dari kata dasar *fa-sa-la* yang bermaksud pisah dan penerangan. Diperbincangkan secara meluas oleh ahli Qura dan cendekiawan Islam. Al-Hasnawi (2000) menulis secara khusus dalam bukunya '*Al-Fasilah Fi Al-Quran*'. Menurut beliau istilah *Fasilah* digunakan dalam pelbagai bentuk dalam bahasa Arab:

- i. Dalam ilmu Nahu – Bagi ulamak *Basrah fasilah* seperti *al-'imad* bagi ulamak Kufah.
- ii. Ilmu Arudh – Merangkumi I'lal atau Sihah.
- iii. Tanda Tarqim – Tanda yang memberikan perkataan itu *waqaf* sama ada kepada orang yang berkata atau yang membaca. Tidak sesuai dengan pernafasan dan mempunyai tujuh tempat.
- iv. Ulum Quran – Ayat terakhir dalam al-Quran

Al-Hasnawi (2000) mengatakan pengertian yang jelas dalam istilah *fasilah* dalam al-Quran ialah perkataan terakhir dalam ayat seperti rima dalam sajak. *Fasilah* itu mesti bersesuaian dengan huruf akhir sama ada dari sudut *wazan* yang mempunyai makna dan memberikan kerehatan kepada jiwa.

Bentuk persajakan atau fasilah merupakan unsur penting dalam pembentukan bentuk suara dalam karya sastra. Surah-surah dalam al-Quran secara khusus, menggunakan bentuk *fasilah* sehingga terdengar indah dan teratur, tidak cukup sampai di situ saja, makna yang terkandung dalam setiap ayat dapat menyentuh hati pendengar. Meskipun secara bentuk kalimah menyerupai syair (puisi) namun ia bukanlah puisi karena menyelisihi kaidah syair yang disepakati bangsa Arab pada masa itu. Di sinilah salah satu bentuk kemukjizatan al-Quran (Khairul Fuadi, 2020)

Menurut Khairul Fuadi (2020) *Fasilah* atau *saja'* dalam al-Quran berdasarkan beberapa faktor:

a. *Munasabah*

Ini membawa maksud bagaimana setengah *fasilah* itu berkait rapat dengan nilai makna yang tersembunyi seperti dalam surah (*Al-Shaffat*; 48-49) kalimah '*Ainun*' (mata) dan '*Maknun*' (tersembunyi). Dua kalimah membawa maksud suatu yang tersembunyi hanya boleh diketahui dengan melihat.

b. *Taqdim dan Takhir*

Dalam sintaksis bahasa Arab unsur *taqdim* dalam subjek dan predikat (*mubtada' dan khabar*). Ini dapat dilihat bila pengakhiran subjek sebagai memberikan makna yang lebih mendalam. Contoh dalam surah *al-Rahman* ayat 26, Kata '*Ainani*' adalah *mubtada'* dari *khabar* yang didahulukan iaitu '*fihima*' , sedangkan kata '*naddhakatan*' sifat dari kata '*ainani*'. Struktur kalimah seperti ini secara gramatikal khabar harus didahulukan, karena *mubtada'* *nakirah* sedangkan khabar terdiri dari *jar majrurr* (priposisi).

c. *Udul* (kata yang tidak sesuai)

Dalam surah *al-Qamar* ayat 54 yang menggunakan kalimah '*naharin*' dengan kata tunggal berlawanan dengan kalimah sebelum yang mewakili bentuk yang sama iaitu *jamak*. Kalimah '*Jannaatin*'(taman-taman), dan selepasnya '*naharin*'(sungai) tunggal. Konsep '*udul*' ini adalah bersesuaian kerana bersesuaian untuk *fasilah* *saja'* selepasnya. Kata kontradik kadang memberi kesan kepada pendengar.

d. *Ziyadah* (Tambahan)

Dalam surah *al-Insaan* ayat 15 kalimah '*qawarira*' yang tidak boleh ditanwinkan jika dia *nakirah*. Seperti yang kita maklum sebagai mengikut *fasilah* atau *saja'* sebelum ini. Setengah ulamak mengatakan bahawa penambahan ada nilai tambah dalam pemahaman makna.


Oleh itu dalam kaedah *fasilah* bukan sahaja membawa mengawal kaedah *saja'* dalam ilmu *badi'* semata-mata tapi juga memberi maksud yang tersendiri dan mendalam. Begitu juga dalam penguraian surah *al-Asr* dan surah *al-Kauthar*.

Huruf Ra' Dan Kedudukannya Dalam Bacaan.

Fonem atau huruf *ra'* merupakan huruf yang penting dan banyak digunakan dalam pertuturan sehari-hari. Banyak perkataan yang menggunakan huruf *ra'*. Ia merupakan huruf yang ke-10 dalam turutan huruf *hijaiyyah*.

a. Makhraj Huruf *Ra'*.

Menurut Syeikh Nabhan (2008) menjelaskan bahawa makhraj huruf *ra'* ialah tepi hujung lidah berdekatan dengan makhraj huruf *nun* serta melencong ke belakang tepi hujung lidah. Makhraj ini boleh dilihat seperti dalam rajah 1.



Rajah 1 : Kedudukan Huruf *Ra'*

b. Sifat Huruf

Huruf *Ra'* mempunyai sifat yang lebih dari semua huruf-huruf atau fonem yang lain. Sifat-sifat huruf *ra'* boleh dilihat dalam jadual 1 di bawah.

Huruf <i>Ra'</i> & Sifat
1. <i>Majhur</i>
2. <i>Tawassut</i>
3. <i>Istifal</i>
4. <i>Infithah</i>
5. <i>Izlaq</i>
6. <i>Inhiraf</i>
7. <i>Takrir</i>

Jadual 1 : Sifat Huruf

Kebanyakan sifat-sifat huruf dalam al-Quran mempunyai lima (5) dan enam (6) sifat. Sifat huruf *ra'* sahaja dalam sifat-sifat yang mempunyai tujuh (7) sifat. Sifat yang khusus untuk huruf *ra'* ialah '*Takrir*' yang bermaksud pengulangan.

Bersetujuan dengan bahasanya *takrir* iaitu bergetarnya hujung lidah ketika mengucapkan suatu huruf. Sifat ini bersifat tetap kerana dalam keadaan baris *sukun* atau pun *tasydid*.

Apa yang menjadi perhatian di sini ialah sifat *takrir* itu bukan sahaja sebagai sifat khusus bagi huruf *ra'* tapi ianya mempunyai perkaitan kepada nilai pragmatik yang dilihat sebagai satu perbuatan dari perkataan yang wujud. Dalam erti kata lain *takrir* dalam surah *al-Asr* dan *al-Kauthar* itu membawa maksud pengulangan yang berkait dengan makna kalimah yang mempunyai huruf *ra'* dalam kedua-dua surah.

Surah Al-Asr

Surah yang paling pendek dalam al-Quran di samping surah *al-Kauthar*. Surah *Makkiyyah* dinamakan *al-Asr* kerana Allah bersumpah dengan *al-Asr* di awal surah. ini merupakan satu dustur yang besar dalam Islam (Wahbah, 1991:390). Surah ini sebagai satu turutan kesimpulan dari surah sebelumnya iaitu surah *al-Takathur* yang menerangkan golongan manusia yang suka bermegah dengan kekayaan dunia dan lalai dengan apa yang mereka miliki seperti yang disebut oleh Hamka dalam Tafsir Al-Azhar (2001:8096). Imam Syafei menyebutkan "Seandainya manusia mencermati surah ini secara saksama, nescaya surah ini sudah mencukupi mereka" (Ibnu Kathir, 2003:353).

Bil Ayat	Ayat	Terjemahan
1	وَالْعَصْرُ	Demi Masa!
2	إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ	Sesungguh manusia itu dalam kerugian
3	إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَنُوا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَنُوا بِالصَّيْرِ	Kecuali orang-orang yang beriman dan membuat amalan yang baik dan berpesan kepada kebenaran dan berpesan kepada kesabaran

Jadual 2: Surah al-Asr

Fasilah dalam surah ini kita tumpukan kepada tiga perkataan hujung setiap ayat yang mempunyai huruf (*ra'*). Menurut Muhammad Afif Amrullah (2017) dalam analisis fonologinya menunjukkan bagaimana pada setiap akhir ayat tersebut di atas terdapat bunyi konsonan yang sama atau kemiripan. Pola yang paling banyak sama terdapat pada konsonan *ra'* iaitu berjumlah enam pola konsonan yang sama. Dalam surah *al-Asr* kita dapat lihat dalam jadual 3. Kedudukan huruf *ra'* dalam tiga kedudukan bersesuaian dengan konsep *fasiyah*.

Bil Ayat	Kalimah	Jenis	Kedudukan Baris
1.	العصْر	Makrifah	Baris bawah
2.	خُسْر	Nakirah	Baris bawah tanwin

3.	الصبر	Makrifah	Baris bawah
----	-------	----------	-------------

Jadual 3: Kedudukan Huruf Ra' Dalam Surah Al-Asr

Dari sudut kedudukan seperti dalam jadual 3, kita dapat jika bacaan huruf ra' itu diwasalkan maka kedudukan baris itu semua berbaris bawah hanya saja kalimah 'Khusrin' itu berbaris tanwin bawah. Namun jika diwaqafkan bacaan akan serupa hany amengkalkan bunti ra' dihujung. Wahbah (1991) menyatakan kalimah *al-asr / al-Sabr / Khusrin* merupakan *Saja' Afwi Ghair Mutakkalif*. Ini merupakan sebahagian dari kecantikan dalam ilmu *Badi'* dalam ilmu *balaghah*.

Surah Al-Kauthar

Surah Makkiyyah bagi kebanyakan ulamak. Namun Ibnu Kathir menyatakan bahawa Qatadah dan surah ini surah Madaniyyah. Dinamakan surah al-Kauthar kerana permulaan ayat Allah Taala kepada Nabi Muhammad SAW. Surah ini disusun selepas surah *al-Ma'un* yang menerangkan tentang sifat orang kafir dan munafik yang mendustakan agama dengan empat sifat (Wahbah, 1991:428):

- i. Bakhil
- ii. Tinggalkan solat
- iii. Riya'
- iv. Menahan kebaikan

Surah ini diturunkan seperti mana yang diriwayatkan dari Anas bin Malik dia berkata: "Rasulullah SAW mengantuk sejenak, lalu beliau mengangkat kepalanya sambil tersenyum, baik beliau yang berkata kepada mereka atau mahu pun yang berkat akepada belia: Mengapa engkay tertawa? Rasulullah SAW menjawab: "Sesungguhnya belum lama tadi telah diturunkan satu surah kepadaku." Beliau terus membaca surah al-Kauthar. (riwayat Ahmad Muslim dan Abu Daud).

Bil Ayat	Ayat	Terjemahan
1	إِنَّ أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ	Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) kebaikan yang banyak (di dunia dan di akhirat).
2	فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأُنْحِرْ	Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur).
3	إِنْ شَانِئَكَ هُوَ الْأَبْتَرُ	Sesungguhnya orang yang bencikan engkau, Dia lah yang terputus (dari mendapat sebarang perkara yang diingininya).

Jadual 5: Surah al-Kauthar**ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

Setelah penelitian dari kedua-dua surah ini, dapat dianalisis setiap perkataan fasilah di kedua-dua surah melalui jadual 6. Unsur *Takrir* (pengulangan) dalam pemberian maksud adalah menepati

Ayat / Kalimah	Maksud	Makna disebaliknya
العصر (al-Asr)	Masa	Masa itu yang sentiasa berulang dan berputar setiap hari dan masa tanpa henti.
خسر (al-Asr)	Rugi	Manusia itu dengan sikap rugi itu akan sentiasa rugi dan berulang setiap masa.
الصبر (al-Asr)	Sabar	Kesabaran perlu diulang dan dipraktikkan setiap masa dengan kat alain sabar setiap masa berulang dan terus berulang untuk mencapai tahap tidak rugi.
الكوثر (al-Kauthar)	Kebaikan yang banyak	Nabi menerima pemberian dari Allah tanpa henti dan terus berulang setiap masa.
وانحر (al-Kauthar)	Sembelih Korban	Hamba yang bersyukur sentiasa melakukan korban sembelihan setiap tahun tanpa henti dan berulang setiap tahun.
الأبتر (al-kauthar)	Terputus	Mereka yang mengatakan nabi terputus kebaikan sebaliknya mereka yang terputus kebaikan sampai bila-bila berulang terputusnya akebaikan yang mereka rasakan.

Jadual 6: Analisis Fasilah Ra'

Dari analisis jadual 6 di atas, menunjukkan bagaiman *fasilah* huruf *ra'* bukan sahaja memenuhi hukum *persajakan (saja)* dalam disiplin *fasilah*, malah ia membawa pengertian yang lebih mendalam. Hukum takrir menunjukkan erti pengulangan telah memberikan makna yang tepat apabila ke enam-enam kalimah dalam dua surah ini membawa maksud:

- i. Masa yang berulang
- ii. Kerugian manusia yang tidak akan terhenti dan berulang setiap masa
- iii. Kesabaran tidak boleh berhenti ia harus diulang tiap masa
- iv. Nikmat tidak terhenti malah sentosa ada dan banyak khusus kepada Rasul.

- v. Berkorban tidak hanya bertempoh dan terhad tapi harus dilakukan setiap masa.
- vi. Kebaikan nagi mereka yang mengingkari Nabi tidak akan berulang sebaliknya terputus setiap masa berulang tanpa henti.

Ini menunjukkan mukjizat al-Quran itu tidak sekadar huruf-huruf yang pelbagai, tapi setiap huruf punya mukjizat tersendiri. *Fasilah* mukjizat yang tersendiri namun tidak memenuhi keseluruhan surah al-Quran. Ada *fasilah* yang serupa di setiap surah, ada yang hanya sebahagian, namun ada yang sama fasilahnya di setiap penghujung ayat.

Surah al-Asr dan surah al-Kauthar punya fasilah yang sama di penghujung ayat dengan membawa hukum takrir yang khusus (Pengulangan sifat huruf) dan mempunyai makna yang mendalam dan berkait antara setiap fasilah di kedua-dua surah.

PENUTUP

Fasilah mempunyai nilai yang sangat indah dalam penyebutan huruf dan mempunyai nilai irama yang indah sesuai ia merupakan kalam Allah. Sekadar memberi contoh yang sama dan pendek. Tentu saja jika fasilah al-Quran ini dianalisa setiap surah dengan fasilah yang berbeza tentu saja dapatan kajian akan lebih menarik dan berkesan. Tadabbur al-Quran perlu kepada penilitian mendalam setiap huruf ayat dalam al-Quran. Harapan kajian akan diselusuri dengan dapatan kajian yang lebih luas terutama kepada surah-surah yang panjang.

RUJUKAN:

- Abas Asyafah (2014). *Konsep Tadabbur al-Quran*. Bandung: CV Maulana Media Grafika.
- Ahmad Baha' Mokhtar (2021). *Kitab Turjuman Al-Mustafid: Kajian Terhadap Ilmu Bilangan Ayat*. International Journal of `Umranic Studies Jurnal Antarabangsa Kajian `Umran. Vol.4, Issue 1 January 2021
- Ahmad Sunawari Long (2005). *Metodologi Penyelidikan Pengajaran Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Mohd Hisyam Abdul Rahim, M. Y. Zulkifli Haji Mohd Yusoff (2013). *Pengajian Al-Qur'an: Analisa Terhadap Ilmu Fāsilah Dan Prospek Perkembangannya*. International Journal on Quranic Research (IJQR) Vol.3, No. 4, June 2013, Pp. 137-158
- Nur Faizi, Syamsul Hadi, Thoyyib (2014). *Bentuk Repetisi Linguistik Dalam Al-Quran*. LiNGUA Vol. 9, No. 1, Juni 2014 – ISSN 1693-4725.
- Tri Tami Gunarti (2020). Fonologi Al-qur'an Pada Surah Asy-Syamsy Analisis Keserasian Bunyi Pada Sajak Dan Efek Yang Ditimbulkannya. Al Furqan: Jurnal Imu Al Quran dan Tafsir, Volume 3 Nomor 2 Desember 2020.
- Muhammad Afif Amrullah (2017) *Kesamaan Bunyi pada Sajak (Kajian Fonologi al-Qur'an dalam Surat al 'Asr)* Jurnal Al Bayan Jurnal Jurusan Pendidikan Bahasa Arab. Raden Intan State Islamic University of Lampung
- Muhammad Al-Hasnawi (2000). *Al-Fāsilah Fi Al-Quran*. Dar Al-Amr: Amman.

- Mohd Nazir Kadir, Mohd Faizulamri Mohd Saad (2022). *Aplikasi Fawasil Al-Quran Dalam Manuskrip Al-Quran Di Alam Melayu*. Jurnal 'Ulwan ISSN: 2504-8511; E-ISSN: 2600-7843 Jilid 7 (Bil.2) 2022: 30-43
- Muhammad Nabhan (2008). *Al-Muzakkiratu Fi Al-Tajwid*. www.quraat.com.
- Zuhaili, Wahbah (1991). *al-Tafsir Al-Munir Fi Al-Aqidah Wa al-Syari'ah Wa Al-Minhaj*. Dar Al-Fikr: Beirut.
- Khairul Fuadi (2020). *Persajakan Dalam Al-Quran Dan Efek Maknanya (Studi Ayat-Ayat Tentang surga)*. Ihya al-Arabiyyah: Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Arab 6 (1), 13-25.
- Hamka (2001). *Tafsir Al-Azhar*. Pustaka Nasional: Singapore.
- Ibnu Kathir (2003). *Tafsir Ibnu Kathir*. Pustaka Imam Asy-Syafi'i. Jakarta.
- Tafsir Pimpinan Ar-Rahman (2020). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia:Putrajaya
- Tabari (1992). *al-Jaami' al-Bayan 'An Ta'wil Aayi al-Quran, al-Thabari (20/79)*. Darul Kutub Ilmiah: Beirut.